

 <b>Ranhill</b>	<b>Ranhill Water Services Sdn Bhd</b>		
	<b>TACIT KNOWLEDGE SHARING</b>		
KM NO.:			
DEPT: EPC			
Knowledge Title:	<b>Penggunaan Tenaga Elektrik Yang Efisien</b>		
SME:	<b>Muhammad Syazwan Mohammad Shamshuri</b>		
Ownership:	Date Created	Date Modified	Page 1 of 1
	<b>5 Jul 2013</b>		

**A. Tujuan:**

Tip memastikan penggunaan tenaga elektrik yang lebih efisien di rumah.

**B. Keterangan:**

Berikut merupakan langkah-langkah bagi menjaga penggunaan tenaga elektrik yang efisien dirumah:

- Gunakan 'blower' penghawa dingin di tahap yang perlu sahaja. Penggunaan tahap 'blower' yang berlebihan hanya akan meningkatkan penggunaan elektrik.
- Servis penghawa dingin mengikut jadual atau paling minima 3 bulan sekali.
- Matikan suis televisyen dan alat elektrik yang lain. Walaupun dalam keadaan 'Stand By', peralatan elektrik ini masih menggunakan tenaga elektrik walaupun rendah.
- Penggunaan elektrik adalah sama bagi alatan-alatan seperti mesin basuh, cerek elektrik, dan sebagainya. Oleh itu, pastikan alatan ini digunakan secara optimum setiap sesi penggunaan (i.e jumlah baju yang maksimum, cerek diisi penuh, dsb).
- Pastikan peti sejuk diletakkan sekurang-kurangnya 10cm daripada dinding dan tidak berdekatan dengan alatan yang mengeluarkan haba seperti cerek elektrik, dapur gas, dsb kerana ini dapat memastikan operasi peti sejuk yang lebih efisien.
- Susun bahan di dalam peti sejuk secara teratur bagi membolehkan pengaliran udara sejuk yang lebih seimbang.
- Pertimbangkan untuk menukar peralatan elektrik yang berusia lebih 10 tahun kepada yang baru kerana peralatan baru menggunakan teknologi yang lebih efisien.
- Pastikan alatan elektrik yang dibeli mendapat pengiktirafan 'Energy Star' untuk memastikan penggunaan elektrik yang efisien.



- Pertimbangkan penggunaan teknologi baru seperti lampu LED dan CFL (Compact Fluorescent Light) yang mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 80% berbanding lampu biasa. Walaupun kos pembelian yang tinggi, kos tersebut dapat dipulangkan sepanjang hayat lampu dan lebih lagi.